

BAB IV
DAPATAN DAN PERBINCANGAN
PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK MELAYU DAN KANAK-KANAK IBAN : Aspek Sintaksis dan Semantik

4.0 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk menentukan jenis ayat lazim berdasarkan pola ayat S-V-O dan golongan kosa kata yang dikuasai oleh kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang. Tumpuan khusus dalam bab ini adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian dalam Bab I.

Hasil kajian akan dinyatakan dalam fasal 4.1 dalam bab ini. Dalam fasal 4.1 perkara yang akan dihuraikan ialah hasil kajian berhubung pemerolehan sintaksis kanak-kanak dalam situasi di rumah. Fasal ini dipecah kepada tiga iaitu fasal 4.1.1 yang akan membincangkan hasil kajian berhubung pemerolehan sintaksis kanak-kanak Melayu dalam situasi di rumah. Fasal 4.1.2 akan membincangkan hasil kajian berhubung pemerolehan sintaksis kanak-kanak Iban dalam situasi di rumah. Fasal 4.1.3 akan menghuraikan perbandingan pemerolehan sintaksis kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban dalam situasi di rumah.

Fasal 4.2 dalam bab ini pula akan memuatkan perbincangan hasil kajian berhubung pemerolehan semantik. Bahagian ini akan dipecahkan kepada 3 iaitu fasal 4.2.1 yang akan membincangkan hasil kajian berhubung pemerolehan semantik kanak-kanak Melayu dalam situasi di rumah. Fasal 4.2.2 pula akan membincangkan hasil kajian berhubung pemerolehan semantik kanak-kanak Iban dalam situasi di rumah. Fasal 4.2.3

akan membincangkan perbandingan pemerolehan semantik kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban dalam situasi di rumah.

Fasal 4.3 adalah berhubung perbincangan hasil kajian. Fasal ini dipecahkan kepada tiga bahagian. Fasal 4.3.1 akan menghuraikan perbincangan dari aspek pemerolehan sintaksis kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang. Fasal 4.3.2 pula akan membincangkan dari aspek pemerolehan semantik kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang. Fasal 4.3.3 pula akan membincangkan masalah-masalah dalam kajian ini. Fasal 4.4 ialah mengenai rumusan dapatan kajian.

Walaupun soalan kajian dalam Bab I cuba melihat sama ada terdapat perbezaan pemerolehan bahasa kanak-kanak dari aspek sintaksis dan semantik, ujian *t* tidak dapat digunakan untuk menunjukkan perbezaan tersebut. Pengkaji menyedari tentang kepentingan ujian *t*, tetapi oleh kerana kajian ini merupakan satu kajian kes yang melibatkan dua respondan sahaja maka perbandingan hanya dibuat dengan menggunakan peratusan bagi setiap aspek yang dikaji.

4.1 Hasil Kajian

Hasil kajian tentang pemerolehan sintaksis kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban pusat PraSekolah Maktab Perguruan Rajang, Sarawak akan dibincangkan dalam fasal-fasal yang berkenaan.

4.1.1 Pemerolehan Sintaksis Kanak-kanak Melayu Dalam Situasi Di Rumah

Berdasarkan data yang dikutip, respondan 1 mengutar perkataan sebanyak 1046 daripada keseluruhan 200 ujaran. Dengan ini MLU (*Mean Length of Utterance*) bagi

respondan 1 adalah 5.23. Menurut Brown, kanak-kanak tersebut adalah berada dalam peringkat 5 atau *Brown Stage V*. Tetapi tahap V Brown tersebut menurut Insup Taylor (1976) adalah sama dengan tahap III linguistik atau *Linguistics Stage III* berdasar Klima dan Bellugi (1966).

Jika dikaitkan dengan pendapat J. Piaget adalah didapati bahawa kanak-kanak ini adalah berada dalam tahap *intuitive thought*. Menurut J. Piaget, pada tahap ini kanak-kanak sudah boleh menguasai pola gramatis yang asas tetapi tidak mempunyai keupayaan yang mantap untuk menghasilkan pola-pola ayat pasif dengan baik (Taylor, 1976:187). Lazimnya kanak-kanak yang mempunyai MLU dalam lingkungan 4.60 hingga 6.00 iaitu yang berada dalam tahap V Brown atau tahap III linguistik Bellugi, mereka sudah boleh membentuk susunan perkataan dalam ayat yang berdasarkan pola S-V-O atau S-O-V atau V-O-S. Malah dari satu aspek yang lainnya pula adalah didapati bahawa bahasa kanak-kanak ini telah memperlihatkan kecekapannya membina ujaran seperti orang dewasa.

Jadual 7.0 adalah analisis ayat selapis dan ayat berlapis atau majmuk yang digunakan oleh respondan 1 pada peringkat umur prasekolah di rumah atau dalam keadaan yang tidak terancang atau berstruktur.

Jadual 7.0 : Analisis Jenis Ayat Respondan 1

Jenis Ayat	Jumlah	Peratus
Ayat Selapis / Tunggal	52	26%
Ayat Berlapis / Majmuk	13	6.5 %
Ayat Elips / Satu Perkataan	135	67.5%

Berdasarkan jadual 7.0, ternyata bahawa pembentukan ayat selapis bagi respondan 1 ini lebih banyak berbanding dengan pembentukan ayat berlapis. Daripada

200 ujaran yang direkod melalui interaksi yang tidak formal dengan respondan 1, terdapat sebanyak 52 ayat atau sebanyak 26 peratus (26%) adalah ayat selapis. Ayat berlapis atau ayat majmuk terdapat sebanyak 13 atau 6.5 peratus (6.5%) dari keseluruhan ujaran tersebut. Selebihnya iaitu sebanyak 135 ayat atau 67.5 peratus (67.5%) adalah terdiri daripada ayat elips atau ayat tidak lengkap.

Contoh-contoh ayat elips yang diujarkan oleh respondan 1 seperti yang terdapat dalam *Lampiran C* adalah seperti berikut:-

- a) Alu laju kamek. (30; Perbualan 4)
(*Lalu laju kami*)
- b) Kaceng embunoh enjahat yo. (30; Perbualan 4)
(*Mudah membunuh penjahat itu*)
- c) Beleh kelak kawu yo. (37; Perbualan 2)
(*Sembelih kelak kamu itu*)

Jenis ayat selapis yang kerap digunakan oleh kanak-kanak ialah ayat dasar.

Contoh ayat dasar yang terdapat dalam *Lampiran C* oleh respondan 1 ialah:-

- a) Kamek belagu . (6; Perbualan 1)
(*Kami menyanyi*).
- b) Robotnyo tahan. (29; Perbualan 1)
(*Robot dia tahan / kuat*).
- c) Kamek makan mi. (35; Perbualan 1)
(*Kami makan mi*).
- d) Kaleh aksaksa entam Utamen. (31; Perbualan 1)
(*Raksaksa dikalahkan oleh Ultramen*).
- e) Aku bagi Sapik. (25; Perbualan 3)
(*Aku berikan kepada Sapik*)

Berdasarkan *Lampiran C* tersebut adalah amat ketara bahawa ayat selapis dan ayat berlapis yang diujarkan oleh respondan 1 mengandungi frasa nama untuk benda-benda yang konkrit, tempat, orang dan binatang yang terdapat dalam persekitarannya. Selain daripada unsur frasa nama, terdapat juga frasa kerja, frasa sifat, frasa keterangan, bilangan, masa, tunjuk, arah dan frasa tanya dalam penggunaan ayat kanak-kanak dalam interaksi hariannya. Satu perkara yang menarik daripada data respondan 1 seperti dalam *Lampiran C* ialah frasa kerja dalam ayat yang digunakan oleh respondan 1 hanya merupakan frasa kerja dalam bentuk frasa kerja akar atau unggulan. Tidak terdapat frasa kerja yang berlapis seperti “panjat-memanjat” atau “memanjat” dalam penggunaan bahasa harian respondan 1 tersebut.

Jenis ayat berlapis atau ayat majmuk yang sering digunakan oleh kanak-kanak pula ialah ayat berlapis atau ayat majmuk gabungan dan pancangan yang mudah. Contoh-contoh ayat majmuk gabungan yang digunakan oleh respondan 1 dalam kajian ini seperti yang terdapat dalam *Lampiran C* adalah seperti berikut:

- a) Ateng nyamun, datang, ni embiyak nangis tadik. (36; Perbualan 2)
(Datang penyamun, datang cari kanak-kanak yang menangis tadi)
- b) Mak, aku migang, aa, pande wak. (86; Perbualan 2)
(Mak aku pegang ,aa, pandai juga)
- c) Kak yo, nak lamak, oh, ke ku, do ku, kalah pi, yo laju yo. (34; Perbualan 3)
(Selepas itu, yang lama, oh, akau pakai, kalah tetapi laju).
- d) Kah yo gik, gi ngan Ipin, penjahat ko engguna bot juwak. (21; Perbualan 4)
(Selepas itu , pergi dengan Ariffin , penjahat kamu guna bot juga).
- e) Ku empun makan, ku empun embuweng tulang.(8; Perbualan 2)
(Aku yang makan, aku yang membuang tulang)
- f) Mayin gelunsoi, boi, bola sepak, ku meneng. (32; Perbualan 2)

(Bermain gelunsur, bola sepak , aku menang).

g) Ku bagi ngan Plimon ngan Diyos. (31; Perbualan 3)
(Aku beri kepada Philimon dan Julius).

h) Sorang kenak tembek, sorang kenak bukut Betmen. (25; Perbualan 4)

(Seorang daripada mereka ditembak, seorang lagi ditumbuk oleh Batman)

i) Emadan embaris ku semowo ada wak Betmen. (34; Perbualan 4)
(Pemadam ,pembaris aku ada gambar Batman).

Berdasarkan contoh-contoh tersebut di atas, kata penghubung yang menjalinkan dua ayat dasar menjadikan ayat majmuk ialah perkataan “dan” dan “tetapi”. Menurut Nik Safiah Karim bahawa ayat majmuk gabungan adalah terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menghubungkan ayat-ayat tersebut dengan kata penghubung seperti “dan” atau “tetapi” (1986:96). Ini bermakna bahawa responden 1 dalam kajian ini telah menguasai sebahagian daripada pemerolehan ayat majmuk gabungan walaupun ia tidak memperolehi secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun ciri-ciri tersebut iaitu penggunaan kata penghubung “dan” dalam ayat-ayat tersebut tidak kelihatan secara nyata. Dengan perkataan lainnya perkataan penghubung seperti “dan” dalam ujaran kanak-kanak tersebut tidak ditonjolkan atau diujarkan tetapi ia wujud secara tersirat atau terselindung dalam ujaran tersebut. Inilah satu ciri yang paling ketara dalam bahasa Melayu dialek Sarawak iaitu kata penghubung “dan” tidak ditimbulkan tetapi digugurkan dalam perbualan harian. Pengguguran kata penghubung tersebut bukan hanya berlaku dalam ujaran kanak-kanak sahaja tetapi ia juga berlaku dalam ujaran peringkat orang dewasa. Kehadiran kata

penghubung tersebut adalah secara tidak jelas tetapi wujud dalam sesuatu ujaran yang berbentuk majmuk.

Respondan 1 juga memperlihatkan kecekapan dan kebolehannya menggunakan bentuk ayat majmuk pancangan walaupun ia tidak begitu kerap dan tidak kemas seperti dalam bentuk bahasa orang dewasa. Contoh-contoh ayat majmuk pancangan oleh respondan 1 dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- a) Lokman, Lokman sikai kontot, sik do giyar. (25; Perbualan 3)
(Luqman, Luqman basikalnya kecil, tidak ada giar).
- b) Kah yo muka pedang kah, a, tumbuk nyo bup. (26; Perbualan 4)
(Selepas itu dihadapanya membawa pedang kah, ditumbuknya).

Berdasarkan ujaran yang diperolehi dari *Lampiran C* tersebut, ayat majmuk pancangan respondan 1 adalah tidak banyak. Dua contoh ayat di atas adalah antara ujaran yang nyata merujuk kepada kumpulan atau jenis ayat majmuk pancangan kerana terdapatnya unsur ayat utama dan ayat kecil yang dipancangkan di dalam ayat utama dan menjadi sebahagian ayat utama tersebut (Nik Safiah Karim *et. 1986*). Ini menunjukkan bahawa hanya 0.01% daripada keseluruhan ujaran respondan 1 adalah ayat majmuk pancangan.

Dalam ayat (a), ayat utamanya adalah “ Lokman, Lokman sikai kontot” atau “*Luqman, Luqman basikalnya kecil*” manakala ayat kecilnya yang dipancangkan dengan ayat utama iaitu “ sik do giyar” atau “ *tidak ada giar*”. Begitu jugalah dalam contoh (b) iaitu ayat utamanya “ Kah yo muka pedang kah” atau “*Selepas itu dihadapannya membawa pedang kah*” berpancang dengan ayat kecil iaitu “tumbok

nyo bup” atau “ditumbuknya”. Perkataan “bup” dalam ujaran tersebut tidak membawa makna leksikal tetapi hanya satu bentuk maklum balas yang menunjukkan perihal kesan bunyi satu tumbukan yang telah dilakukan oleh seseorang.

Selain daripada itu ayat majmuk campuran juga terdapat dalam analisis perbualan kanak-kanak atau respondan tersebut. Contoh-contoh ayat majmuk campuran yang terdapat dalam ujaran respondan 1 seperti dalam *Lampiran C* adalah seperti berikut:

- a) Aku gik tambah, aku gik tambah, gik tambah, lu gemuk. (16; Perbualan 1)
(*Aku mahu tambah lagi, mahu tambah, mahu tambah, lalu gemuk*).
- b) Eh, kuwat aksaksa yo, sik guno-guno aksaksa yo. (31; Perbualan 1)
(*Eh, kuat raksaksa itu, tidak berguna langsung raksaksa itu*)
- c) Mek duwak, do Sapik yo.(48; Perbualan 2)
(*Kami berdua, ada Sapik tu*).

Ayat-ayat dalam (a), (b) dan (c) di atas adalah tergolong sebagai ayat majmuk campuran kerana mengandungi lebih daripada satu jenis ayat. Ayat-ayat tersebut terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai ayat majmuk (Nik Sufiah Karim *et. al.* 1986:114). Berdasarkan jadual 8.0 adalah didapati keseluruhan ayat majmuk yang terdapat dalam data yang direkodkan daripada respondan 1 (*Lampiran C*) adalah sebanyak 6.5 peratus.

Jadual 8.0: Ayat Berlapis / Majmuk Dalam Respondan 1

Contoh Ayat Majmuk (Gabungan /Pancangan /Campuran)	Peratus
<p>1. Ateng nyamun, datang ni embiyak nangis tadik. (Datang penyamun, datang mana kanak-kanak yang menangis tadi)</p> <p>2. Lokman, Lokman sikai kontot, sik do giyar. (Luqman, Luqman basikalnya kecil, tidak ada giar)</p> <p>3. Aku gik tambah, aku gik tambah, gik tambah, lu gemok. (Aku mahu tambah, mahu tambah, mahu tambah, lalu gemuk)</p>	6.5%

Berdasarkan ujaran respondan 1 seperti yang terdapat dalam *Lampiran C*, juga yang dapat diperolehi ialah ujaran respondan tersebut mengandungi penggunaan frasa kerja yang menyumbang kepada bentuk atau ragam ayat aktif dan ayat pasif. Contoh-contoh ayat yang mengandungi frasa kerja ragam ayat aktif dan ragam ayat pasif adalah seperti dalam jadual 9.0 berikut:

Jadual 9.0: Ayat ragam aktif dan ragam pasif respondan 1

(A) Contoh ayat aktif	Peratus	(B) Contoh ayat Pasif	Peratus
<p>1. Kamek makan mi. (Kami makan mi)</p> <p>2. Ye, ku diyah Sapik ye, engan kreto. (Ye, aku hadiah Sapik ye, dengan sebuah kereta)</p>	27%	<p>1. Dikum kamek cekgu, dikum (Dihukum oleh cikgu kami, dihukum)</p> <p>2. Sorang kenak tembak , sorang kenak bukut Betmen. (Seorang daripada mereka ditembak, seorang lagi ditumbuk oleh Batman)</p>	6%

Ayat-ayat dalam ruang (A) dalam jadual 9.0 di atas ternyata tergolong kepada ayat aktif kerana ia mengandungi frasa kerja yang diikuti oleh frasa nama ataupun komplement yang

bertindak sebagai objek ataupun penyambut. Jika kita perincikan ayat-ayat dalam contoh di atas, agak jelas ialah subjek asal adalah lebih utama dan sebagai judulnya (Nik Sufiah Karim , 1986:85)

Ayat-ayat dalam ruang (B) dalam jadual 9.0 di atas adalah tergolong dalam ayat pasif kerana mengandungi frasa kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul dan unsur yang diterangkan (Nik Sufiah Karim, 1987:84). Menurutnya lagi (Nik Sufiah Karim, 1989:128, Arbak Othman, 1984:43), awalan *di-* dalam sesebuah ayat adalah sebagai pembentuk kata kerja pasif dalam sesuatau ayat.

Perincian atau analisis ayat berdasarkan pola gramatis adalah seperti dalam jadual 10.0.

Jadual 10.0 : Pemerolehan Sintaksis Respondan 1

Pola Gramatis	Jenis Ayat (Ayat selapis atau <i>Multiple word sentences</i> dan ayat berlapis)	Kekerap an	Peratus (Berdasar Jumlah Ujaran)
FN + FK	Ayat Selapis	14	7
	Ayat Berlapis /Majmuk	3	1.5
FN + FK + FN	Ayat Selapis	21	10.5
	Ayat Berlapis / Majmuk	8	4
KT + FN + FK	Ayat Selapis	12	6
	Ayat Berlapis / Majmuk	0	0
KT + FN + FK + FN	Ayat Selapis	5	2.5
	Ayat Berlapis / majmuk	2	1

Bagi respondan 1 adalah didadapti bahawa pola FN + FK + FN lebih banyak daripada pola FN + FK, KT + FN + FK dan KT + FN +FK + FN. Ayat pola gramatis

FN + FK + FN pada kekerapan 29 atau 14.5% daripada 200 ujaran. Ayat pola gramatis FN + FK pada kekerapan 15 atau 7.5% dan pola gramatis KT + FN + FK pada kekerapan 12 atau 6%, manakala ayat pola gramatis KT + FN + FK + FN ialah pada kekerapan 7 atau 3.5%. Jika dipecahkan huraian tersebut mengikut kategori atau jenis ayat adalah didapati bahawa respondan 1 dalam kajian ini lebih banyak menggunakan ayat selapis dalam perbualan hariannya. Walau bagaimanapun pola gramatis FN + FK + FN lebih banyak digunakan berbanding pola-pola gramatis yang lain. Respondan 1 dalam kajian ini menggunakan ayat selapis pola gramatis FN + FK + FN pada kekerapan 21 atau 10.5%, bagi pola gramatis FN + FK pada kekerapan 14 atau 7%, kekerapan 12 atau 6% bagi pola KT + FN + FK dan kekerapan 5 atau 2.5% bagi pola KT + FN + FK + FN.

Daripada analisis berdasarkan jadual 10.0, adalah didapati bahawa respondan 1 kurang menggunakan ayat berlapis atau ayat majmuk. Hanya sebanyak 25 atau 12.5% ayat yang dikumpulkan adalah terdiri daripada ayat majmuk atau ayat berlapis. Seperti dalam huraian yang lebih awal lagi, memang telah didugakan bahawa respondan 1 akan lebih banyak menggunakan pola gramatis FN + FK + FN. Dalam kajian ini ternyata respondan 1 mengujar pada kekerapan 8 atau 4% pola gramatis pola FN + FK + FN berbanding pola FN + FK pada kekerapan 2 atau 1% dan pola KT + FN + FK + FN pada kekerapan bagi ayat berlapis atau ayat majmuk. Pola KT + FN + FK bagi ayat berlapis atau ayat majmuk adalah pada kekerapan sifar.

Di samping analisis berhubung ayat atau sintaksis seperti di atas, adalah didapati sebanyak 68% daripada keseluruhan ujaran respondan 1 adalah terdiri daripada ayat elips dan ayat satu perkataan (maklum balas). Jadual 10.0 tersebut memberi

gambaran secara nyata bahawa respondan 1 banyak menggunakan ayat-ayat elips atau ayat-ayat yang tidak lengkap (Lyons, 1968) dalam perbualannya. Juga yang diperolehi melalui jadual 10.0 ialah respondan 1 ini juga jelas banyak menggugurkan unsur-unsur tatabahasa dalam wacana lisannya. Contoh-contoh ayat yang berkenaan adalah seperti berikut:

- a) Alu laju kamek. (2; Perbualan 1)
(Lalu laju kami)
- b) Kas yo, a, pegi abis. (32; Perbualan 1)
(Selepas itu, a, pergi semua)
- c) Beleh kelak kawu yo. (37; Perbualan 2)
(Sembelih kelak kamu itu)

Berdasarkan *Lampiran E*, bolehlah dirumuskan bahawa respondan 1 atau kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah mempunyai keupayaan dan kecekapan yang amat menggalakkan dari segi pemerolehan sintaksisnya. Adalah dibuktikan bahawa respondan 1 lebih banyak mengujar dalam bentuk ayat mudah atau ayat selapis berbanding ayat berlapis atau ayat majmuk. Secara keseluruhannya terdapat 52 kekerapan atau 26% ujaran yang menggunakan pola gramatis adalah terdiri daripada ayat selapis. Ayat berlapis atau ayat majmuk mempunyai kekerapan 14 atau 7% daripada keseluruhan ujaran yang direkod. Dengan perkataan lainnya dapatan kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah lebih banyak mengujar ayat selapis dalam apa juu pola gramatisnya berbanding ayat berlapis atau ayat majmuk.

Jika dianalisiskan ujaran respondan 1 berdasarkan pola gramatis S-V-O, adalah didapati secara keseluruhannya pola FN + FK + FN lebih tinggi kekerapannya berbanding pola-pola yang lain. Pola FN + FK + FN mempunyai kekerapan sebanyak 28 atau 14%

berbanding pola FN + FK yang sebanyak 18 kekerapan atau 9%. Pola KT + FN + FK mempunyai kekerapan sebanyak 12 atau 6%, manakala pola KT + FN + FK + FN mempunyai kekerapan 8 atau 4% sahaja. Dengan ini kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah ini mempunyai kecekapan yang amat menggalakkan dari segi pemerolehan sintaksis berdasarkan pola S-V-O.

4.1.2 Pemerolehan Sintaksis Kanak-kanak Iban Dalam Situasi Di Rumah.

Berdasarkan data yang direkod, respondan 2 ini mengujar sebanyak 949 perkataan daripada sebanyak 200 ujaran. Dengan ini MLU atau *mean length of utterance* bagi respondan 2 adalah 4.745. Ini bermakna bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak ini juga berada dalam lingkungan *Brown Stage V* atau pada tahap III linguistik dalam Klima dan Bellugi (1966).

Oleh kerana kanak-kanak ini juga dalam lingkungan tahap linguistik yang sama maka kecekapannya menguasai pola gramatis yang asas adalah tidak diragukan. Kanak-kanak ini juga sama seperti kanak-kanak yang dikaji dalam respondan 1 iaitu boleh membentuk susunan perkataan dalam ayat yang berdasarkan pola S-V-O atau S-O-V atau V-O-S. Oleh yang demikian kanak-kanak ini atau respondan 2 juga adalah tergolong dalam tahap *intuitive thought* berdasar penggolongan J. Piaget. Dengan perkataan lainnya kanak-kanak ini atau respondan 2 telah menguasai pola gramatis yang asas walaupun tidak mempunyai keupayaan untuk menghasilkan pola-pola ayat pasif dengan baik.

Dalam kajian ini kanak-kanak Iban atau respondan 2 mempunyai kecekapan untuk menggunakan ayat selapis dan ayat berlapis ketika berinteraksi secara tidak formal dalam

persekitaran rumahnya. Dalam jadual 11.0, ujaran respondan 2 dianalisis dan mendapati bentuk atau pola yang hampir sama seperti dalam respondan 1.

Jadual 11.0 : Analisis Jenis Ayat Respondan 2

Jenis Ayat	Jumlah	Peratus
Ayat Selapis / Tunggal	46	23%
Ayat Berlapis / Majmukl	13	6.5%
Ayat Elips / maklum balas	141	70.5%

Daripada jadual 11.0 adalah didadapti bahawa ayat selapis yang diujarkan oleh respondan 2 adalah lebih banyak berbanding ayat berlapis atau ayat majmuk. Kekerapan ayat selapis yang diujarkan oleh respondan 2 ialah sebanyak 46 atau 23%. Kekerapan ayat berlapisnya pula ialah sebanyak 13 atau 6.5%. Ayat elips atau ayat yang tidak lengkap (Lyons, 1968) mempunyai kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 141 atau 70.5% daripada 200 ujaran yang dikutip. Contoh-contoh ayat elips yang diujarkan oleh respondan 2 seperti dalam *Lampiran D* adalah seperti berikut.

- a) Mayien bak taman bak skul. (10; Perbualan 1)
(Main di taman di sekolah)
- b) Laban iya manis. ((4; Perbualan 2)
(Kerana ia manis)
- c) Diyundan enggau putih enggau ijau. (42; Perbualan 3)
(Membonceng dengan putih dengan hijau)
- d) Enggai, induk Kimbley. (39; Perbualan 4)
(Tidak mahu, perempuan Kimbley)

Juga yang didapati daripada analisis dalam *Lampiran D* dan *Lampiran F* bahawa respondan 2 juga mempunyai kecekapan yang lebih untuk menggunakan ayat selapis berbanding ayat berlapis. Daripada 200 ujaran yang direkod dalam interaksi tidak berstruktur di persekitaran rumahnya iaitu di antara respondan berkenaan dengan ibunya, adalah didapati sebanyak 46 kekerapan atau 23% ujarannya adalah terdiri daripada ayat selapis dan 13 kekerapan atau 6.5% ujaran adalah terdiri daripada ayat berlapis.

Jenis ayat selapis yang kerap digunakan oleh respondan 2 ini ialah ayat dasar. Menurut Nik Safiah Karim (1987:42-43) ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain. Contoh-contoh ayat selapis yang diujarkan oleh respondan 2 seperti yang terdapat dalam *Lampiran D* ialah:

- a) Fitrus nyadi antu. (50; Perbualan 1)
(**Fitrus menjadi hantu**)
- b) Kitai cuci tangan. (27; Perbualan 2)
(**Kita cuci tangan**)
- c) Basikal baka Diniel, kak aku enggau Bibit. (59; Perbualan 3)
(**Basikal seperti Deniel dan David, saya mahu**)
- d) Tuk radiyo Soni kok aku. (26; Perbualan 4)
(**Ini radio Sony kata aku**)

Tetapi jika kita merujuk kepada Jadual 12.0, adalah didapati bahawa ayat selapis dan ayat berlapis yang diujarkan oleh respondan 2 mengandungi frasa nama untuk benda-benda yang konkrit, tempat, orang dan binatang yang terdapat dalam persekitarannya. Juga selain daripada frasa nama, terdapat frasa kerja, frasa sifat, frasa keteranganan, bilangan, masa, tunjuk, arah dan frasa tanya dalam penggunaan ayat respondan 2 ini.

Frasa kerja yang membentuk jumlah lebih banyak selain daripada frasa nama terdapat dalam ujaran respondan 2 seperti yang dianalisiskan tersebut adalah bercorak atau berbentuk frasa kerja akar atau unggulan. Tidak terdapat frasa kerja yang berlapis dalam analisis tersebut.

Jenis ayat berlapis atau ayat majmuk yang sering digunakan oleh respondan 2 ialah ayat berlapis atau majmuk yang mudah. Ayat-ayat majmuk mudah tersebut boleh diklasifikasikan kepada ayat majmuk gabungan, pancangan dan campuran yang mudah. Contoh-contoh ayat majmuk gabungan yang diujarkan oleh respondan 2 dalam kajian ini seperti yang terdapat dalam *Lampiran D* adalah seperti berikut:

- a) Endak mayuh, nyak gamal-gamal diempak kami. (21; Perbualan 2)
(Tidak banyak, itu sahaja yang kami makan)
- b) Bubur asik tapi licek baka panduk ka nyak. (55; Perbualan 2)
(Nasi bubur tetapi lembek seperti dimasak begitu)
- c) Endak ulih tegar kak ku, nyak aku endak ulih laju. (63; Perbualan 3)
(Tidak daya aku meluncur, itu aku tidak dapat laju)
- d) Kami anang jakuk, anang mayien lawun. (69; Perbualan 2)
(Kami jangan bercakap, jangan berlengah-lengah)

Berdasarkan contoh-contoh ayat di atas, kata penghubung yang menjalinkan dua ayat dasar menjadi ayat majmuk ialah perkataan “dan” dan “tetapi”. Dalam contoh ayat (a) iaitu “Endak mayuh, nyak gamal-gamal diempak kami” atau “Tidak banyak, itu sahaja yang kami makan” kata penghubung “dan” hadir secara tidak nyata dalam ayat tersebut. Ayat berkenaan sepatutnya berbunyi “Tidak banyak dan itu sahajalah yang kami makan”. Dalam contoh (c), (d) dan (e) keadaan yang serupa berlaku. Inilah satu ciri

yang unik tentang bahasa Iban kerana kata penghubung “dan” tidak ditampilkan kehadirannya dalam ayat majmuk tetapi kehadirannya hanya dirasai secara tersirat. Tetapi dalam ayat (b), kata penghubung “tetapi” dinyatakan secara langsung.

Berdasar *Lampiran D*, respondan 2 juga memperlihatkan kecekapannya menggunakan ayat majmuk pancangan walaupun tidak banyak dan tidak sekemas ujaran orang dewasa. Respondan 2 boleh memasukan unsur ayat utama dan ayat kecil yang dipancangkannya di dalam ayat utama sehingga menjadikannya sebahagian ayat utama tersebut (Nik Safiah Karim, 1986). Contoh-contoh ayat majmuk pancangan dalam *Lampiran D* ialah:

- a) Amat bisek maya rumah panjang subak, Penusuk, nyak aku makai cabek. (50; Perbualan 2)
(Memang benar semasa di rumah panjang dulu, Penusuk, itulah aku makan cili)
- b) Anang, a tik kenak utai tajam, alu kenak utai tajam alu kenak pamcit. (79 ; Perbualan 3)
(Tidak, a jika kena benda tajam, lalu kena benda tajam lalu bocor)
- c) Aku jadi katek, dah tadik aku udik. (97; Perbualan 4)
(Aku jadi katak, setelah itu aku lagi)

Daripada contoh-contoh ayat di atas, maka jelaslah respondan 2 menggunakan ayat majmuk pancangan kerana terdapatnya unsur ayat utama dan ayat kecil dipancangkan di dalam ayat utama dan menjadi sebahagian ayat utama tersebut (Nik Safiah Karim *et. 1986*). Dalam ayat (a) ayat utama iaitu “aku makai cabek” atau “aku makan cili” yang dipancangkan dengan ayat kecil iaitu “.. maya rumah panjang subak, Penusuk,..” atau “semasa di rumah panjang Penusuk dahulu”. Dalam ayat (b), ayat

utamanya “alu kenak pamcit” atau “**lalu bocor**” dipancangkan dengan ayat kecil iaitu “tik kenak utai tajam” atau “**jika terkena benda yang tajam**” menjadikan ayat tersebut sebagai ayat majmuk pancangan. Dalam ayat (c) ayat utamanya iaitu “Aku jadi katek” (*Aku jadi katak*) telah dipancangkan dengan ayat kecil iaitu “**dah tadik aku udik**” (*setelah itu aku lagi*).

Selain daripada kebolehan respondan 2 menggunakan ayat majmuk gabungan dan pancangan, ayat majmuk campuran juga dapat dibuktikan penggunaannya oleh respondan tersebut. Namun demikian kekerapan penggunaannya adalah pada tahap yang amat minimum. Contoh ayat majmuk campuran yang terdapat dalam *Lampiran D* ialah:

- a) Aku tegadai-gadai ku jalai, Sita dinga ku ngiring. (64; Perbualan 3)
(*Aku berjalan perlahan-lahan, Sita mengekoriku*)
- b) Seri jadi Billi. Amat, nyak abak jadi enggau Billi. (60; Perbualan 4)
(*Seri menjadi Billy. Memang betul, ayah berkahwin dengan Billy*)
- c) Robot tuk nemu aku, nimbak iya nemu. (78; Perbualan 4)
(*Robot ini aku tahu, menembak dia tahu*)

Ayat (a), (b) dan (c) di atas jelas memperlihatkan ciri-ciri ayat majmuk campuran kerana mengandungi lebih daripada satu jenis ayat. Ayat-ayat tersebut adalah terdiri daripada ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai ayat majmuk. Menurut Nik Safiah Karim (1968) ayat tersebut tergolong dalam ayat majmuk campuran. Namun demikian tahap pemerolehan ayat jenis ini amat kurang dalam penggunaan respondan 2. Keadaan ini berbeza dengan orang dewasa kerana keupayaan kanak-kanak untuk memperolehi rumus-rumus bahasa adalah masih berada pada tahap yang mudah sahaja.

Berdasar jadual 12.0 adalah dibuktikan keseluruhan penggunaan ayat majmuk atau ayat berlapis bagi respondan 2 adalah sebanyak 6.5 peratus.

Jadual 12.0: Ayat Berlapis / Majmuk Dalam Respondan 2

Contoh Ayat Majmuk (Gabungan / Pancangan / Campuran)	Peratus
<p>1. Endak mayuh, nyak gamal-gamal diempak kami. (21; Perbualan 2) (Tidak banyak, itu sahaja yang kami makan)</p> <p>2. Anang, a tik kenak utai tajam, alu kenak utai tajam alu kenak pamcit. (79 ; Perbualan 3) (Tidak, a jika kena benda tajam, lalu kena benda tajam lalu bocor)</p> <p>3. Seri jadi Billi. Amat, nyak abak jadi enggau Billi. (60; Perbualan 4) (Seri menjadi Billy. Memang betul, ayah berkahwin dengan Billy)</p>	6.5%

Juga yang dapat dibuktikan melalui data dalam *Lampiran D* ialah respondan 2 mempunyai kecekapan untuk membentuk ayat ragam aktif dan ayat ragam pasif. Contoh-contoh ayat yang mengandungi ragam ayat aktif dan ragam ayat pasif adalah seperti dalam jadual 13.0 berikut:

Jadual 13.0: Ayat Ragam Aktif Dan Ragam Pasif Respondan 2

(A) Contoh ayat aktif	Peratus	(B) Contoh ayat pasif	Peratus
<p>1. Kawan ku ngagak bungai raya. (Kawan ku melukis bunga raya)</p> <p>2. Iya ngenak tali. (Dia menggunakan tali)</p>	26.5%	<p>1. Nyak ajak diempak kami. (Itu sahaja yang dimakan kami)</p> <p>2. Laban ya, tumbok ya urang, planting, mati. (Dilawannya, ditumbuknya orang, terpelanting, mati)</p>	2.5%

Ayat-ayat dalam ruangan (A) dalam jadual 13.0 di atas ternyata digolongkan dalam ayat aktif kerana ia mengandungi frasa kerja yang diikuti oleh frasa nama ataupun yang kemudiannya sebagai komplemen yang bertindak sebagai objek dalam ayat. Juga yang agak jelas ialah kecekapan respondan respondan 2 dapat mengujar menggunakan subjek asal dalam ayatnya sebagai yang lebih utama dan sebagai judulnya. Inilah jika menurut Nik Sasiak Karim (1986) menjadikan ayat tersebut tergolong dalam ragam ayat aktif.

Tetapi jika kita perhatikan ruangan (B) dalam jadual 13.0, adalah nyata ayat tersebut mengandungi frasa kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul dan unsur yang diterangkan dalam ayat. Keadaan tersebut membuktikan pandangan Nik Safiah Karim (1986) menjadikan ayat tersebut dalam ragam ayat pasif. Malah penggunaan kata sendi *di-* pada kata kerja mengukuhkan lagi ayat tersebut dalam kategori atau ragam ayat pasif. Dengan perkataan lainnya kecekapan sintaksis respondan 2 pada peringkat umur prasekolah telah hampir menyerupai kecekapan orang dewasa walaupun belum mencapai peringkat yang lebih mantap.

Jika kita memperincikan ayat-ayat yang diujarkan oleh respondan 2 berdasarkan pola gramatisnya secara yang mendalam adalah didapati bahawa pola-pola tersebut hadir dalam ujaran tersebut.

Jadual 14.0 : Analisis Pemerolehan Sintaksis Respondan 2

Pola Gramatis	Jenis Ayat (Ayat selapis atau <i>Multiple word sentences</i> dan ayat berlapis)	Kekerapan	Peratus
FN + FK	Ayat Selapis	17	8.5
	Ayat Majmuk	1	0.5
FN + FK + FN	Ayat Selapis	16	8
	Ayat Majmuk	5	2.5
KT + FN + FK	Ayat Selapis	8	4
	Ayat Majmuk	2	1
KT + FN + FK + FN	Ayat Selapis	5	2.5
	Ayat Majmuk	5	2.5

Ayat selapis yang kerap diujarkan oleh respondan 2 adalah bercorak ayat dasar yang mengandungi pola gramatis FN + FK dan FN + FK + FN. Dalam jadual 14.0 di atas adalah dibuktikan bahawa pola gramatis FN + FK + FN mengatasi pola gramatis FN + FK, pola KT + FN + FK dan pola KT + FN + FK + FN. Dengan ini adalah didapati bahawa respondan 2 lebih banyak memperolehi pola FN + FK + FN berbanding pola FN + FK, pola KT + FN + FK dan pola KT + FN + FK + FN.

Dalam jadual 14.0, juga didapati bahawa kekerapan ayat selapis pola FN + FK yang diujarkan oleh respondan 2 ialah 17 atau 8.5 peratus (8.5%). Kekerapan pola FN + FK + FN ialah 16 atau 8 peratus (8%), manakala kekerapan pola KT + FN + FK ialah 8 atau 4 peratus (4%) dan kekerapan pola KT + FN + FK + FN ialah 5 atau 2.5 peratus (2.5%). Dengan ini adalah nyata bahawa respondan 2 lebih banyak menggunakan ayat selapis atau *multiple words sentence* berdasarkan pola FN + FK dan FN + FK + FN berbanding pola KT + FN + FK dan pola KT + FN + FK + FN dalam ujaran yang tidak berstrukturnya.

Ayat berlapis atau ayat majmuk yang terdapat dalam ujaran respondan 2 seperti dalam jadual 14.0 adalah berdasarkan pola gramatis FN + FK , pola FN + FK + FN, pola KT + FN + FK dan pola KT + FN + FK + FN. Bagi respondan 2 ini adalah didapati pola FN + FK + FN dan pola KT + FN + FK + FN mempunyai kekerapan yang lebih tinggi berbanding pola FN + FK dan pola KT + FN + FK. Ayat berlapis atau ayat majmuk pola FN + FK + FN dan pola KT + FN + FK + FN mempunyai kekerapan masing-masingnya 5 atau 2.5% . Pola KT + FN + FK mempunyai kekerapan sebanyak 2 atau 1% manakala pola FN + FK mempunyai kekerapan hanya 1 sahaja atau 0.5%.

Dapatan daripada kajian ini telah dapat membuktikan bahawa kanak-kanak Iban peringkat prasekolah yang dikaji ini telah mempunyai kecekapan membentuk ayat pola S-V-O dengan baik atau telah memperoleh sistem tata bahasa yang asas dalam bahasa ibundanya. Bukti yang diperolehi ini dapat memberi kepastian bahawa pada peringkat umur 5 hingga 6 tahun kanak-kanak Iban dalam kajian ini sudah boleh menggunakan sebahagian besar daripada sistem grammar dalam bahasa ibundanya ketika berinteraksi dalam situasi di rumah.

Selain daripada itu, yang tersirat daripada dapatan kajian ini ialah pemerolehan sintaksis kanak-kanak Iban ini menunjukkan tanda-tanda kemungkinan wujudnya pemeringkatan dalam pemerolehan sintaksis di kalangan kanak-kanak peringkat prasekolah. Ini adalah kerana beberapa kajian yang terdahulu juga telah menunjukkan tentang adanya peringkat-peringkat dalam pemerolehan sintaksis. Sebagai contoh satu kajian yang dibuat oleh Brown (1973) telah membuktikan bahawa kanak-kanak memperoleh kecekapan sintaksis secara berperingkat kerana terdapatnya kerumitan kumulatif pada fungsi gramatis dan semantik tiap-tiap morfem.

Secara keseluruhannya respondan 2 lebih banyak mengujar ayat selapis dalam apa jua pola gramatis berbanding ayat berlapis atau ayat majmuk. Berdasar *Lampiran F* keseluruhan ayat selapis mempunyai kekerapan sebanyak 46 atau 23% manakala ayat berlapis atau ayat majmuk mempunyai kekerapan 13 atau 6.5% sahaja. Ini menunjukkan bahawa respondan 2 atau kanak-kanak Iban peringkat prasekolah yang dikaji ini mempunyai kecekapan yang tinggi mengujar dalam bentuk ayat selapis berbanding ayat berlapis atau ayat majmuk.

Jika diperincikan berdasar pola gramatisnya pula, pola gramatis FN + FK + FN mempunyai kekerapan yang tertinggi dalam apa jua jenis ayat iaitu dengan kekerapan sebanyak 21 atau 10.5%. Pola FN + FK pula mempunyai kekerapan sebanyak 18 atau 9% manakala pola KT + FN + FK + FN sebanyak 10 atau 5% dan pola KT + FN + FK dengan kekerapan sebanyak 9 atau 4.5% sahaja. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak Iban prasekolah ini mempunyai kecekapan mengujar pola gramatis FN + FK + FN dengan baik. Dengan perkataan lainnya respondan 2 mempunyai kecekapan yang menggalakkan dari segi pemerolehan sintaksis berdasarkan pola S-V-O.

4.1.3 Perbandingan Pemerolehan Sintaksis Kanak-kanak Melayu dan Kanak-kanak Iban

Jadual 15.0 : Perbandingan jenis ayat yang diujar

Jenis Ayat	Respondan 1		Respondan 2	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Ayat Selapis / Ayat Dasar	52	26.0%	46	23.0%
Ayat berlapis / Majmuk	13	06.5%	13	06.5%
Ayat Elips / Ayat satu ayat	135	67.5%	141	70.5%

Berdasarkan jadual 15.0 di atas respondan 1 mempunyai kekerapan sebanyak 52 atau 26% bagi ayat selapis dan kekerapan sebanyak 13 atau 6.5% bagi ayat berlapis. Respondan 2 mempunyai kekerapan 46 atau 23% bagi ayat selapis dan kekerapan 13 atau 6.5% bagi ayat berlapis.

Secara amnya kecekapan mengujar menggunakan ayat selapis dan ayat berlapis di antara respondan 1 dan respondan 2 adalah tidak mempunyai perbezaan yang nyata. Respondan 1 mengujar sebanyak 26% ayat selapis daripada keseluruhan ayat yang diujarkannya manakala respondan 2 mengujar sebanyak 23% daripada keseluruhan ujarannya dalam ayat selapis. Respondan 1 hanya mengatasi respondan 2 dengan sebanyak 3% sahaja dalam aspek ayat selpais. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang nyata pemerolehan ayat selapis diantara respondan 1 dengan respondan 2. Ternyata bahawa kedua-dua respondan lebih kerap menggunakan ayat selapis dalam interaksi secara tidak berstruktur mereka. Juga yang diperolehi daripada perbandingan hasil kajian ini ialah kedua-dua respondan telah menunjukkan persamaan kecekapan dalam mengujar ayat selapis dan juga ayat berlapis atau ayat majmuk dalam perbualan harian mereka. Kedua-dua respondan mempunyai sebanyak 6.5% kecekapan mengujar ayat berlapis atau ayat majmuk. Dapatan ini membuktikan bahawa pemerolehan sintaksis bagi kedua-dua

respondan dalam kajian ini adalah tidak berbeza. Dengan perkataan lainnya kajian ini telah membuktikan bahawa kanak-kanak pada peringkat prasekolah atau *Brown Stage V* mempunyai kecekapan sintaksis yang tidak berbeza.

Juga yang dapat dikesan daripada jadual 15.0 ialah kanak-kanak dalam peringkat atau tahap *V Brown* atau peringkat prasekolah lebih banyak membentuk atau menggunakan ayat elips dalam perbualan mereka. Frasa nama dalam ayat yang diujarkan itu sering digugurkan apabila mereka berinteraksi dengan orang dewasa. Respondan 1 mengujar sebanyak 67% ayat elips berbanding respondan 2 yang mengujar sebanyak 70.5% ayat elpis dalam perbualan yang dirakamkan. Daripada jadual 15.0 itu juga maka dapatlah dibuktikan bahawa kanak-kanak pada peringkat prasekolah lebih banyak mengujar ayat elips berbanding ayat yang gramatis.

Jika kita merujuk kepada jadual 16.0, juga adalah didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara pemerolehan bahasa kanak-kanak peringkat prasekolah dari segi pembentukan ayat berdasarkan pola S-V-O. Berdasar jadual 16.0 tersebut, adalah terbukti bahawa respondan 1 mengujar ayat selapis dengan kekerapan 14 atau 7% bagi pola gramatis FN + FK, kekerapan 21 atau 10.5% bagi pola FN + FK + FN, kekerapan 12 atau 6% bagi pola KT + FN + FK dan kekerapan 5 atau 2.5% bagi pola KT + FN + FK + FN untuk ayat selapis. Respondan 2 pula mengujar ayat selapis dengan kekerapan 17 atau 8.5% bagi pola FN + FK, kekerapan 16 atau 8% bagi pola FN + FK + FN, kekerapan 8 atau 4% bagi pola KT + FN + FK dan kekerapan 5 atau 2.5% bagi pola KT + FN + FK + FN.

Jadual 16.0 : Perbandingan Pola Gramatis yang diujarkan

Jenis Ayat	Pola Gramatis	Respondan 1		Respondan 2	
		Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Ayat Selapis	FN + FK	14	7.0%	17	8.5%
	FN + FK + FN	21	10.5%	16	8.0%
	KT + FN + FK	12	6%	8	4.0%
	KT + FN + FK + FN	5	2.5%	5	2.5%
Ayat Berlapis / Majmuk	FN + FK	3	1.5%	1	0.5%
	FN + FK + FN	8	4%	5	2.5%
	KT + FN + FK	0	0%	1	0.5%
	KT + FN + FK + FN	3	1.5%	5	2.5%

Dari sudut ayat berlapisnya pula, respondan 1 mengujar dengan kekerapan 3 atau 1.5% bagi pola FN + FK, kekerapan 8 atau 4% bagi pola FN + FK + FN, kekerapan sifar bagi pola KT + FN + FK dan kekerapan 3 atau 1.5% bagi pola KT + FN + FK + FN. Respondan 2 pula mengujar dengan kekerapan 1 atau 0.5% bagi pola FN + FK, kekerapan 5 atau 2.5% bagi pola FN + FK + FN, kekerapan 2 atau 1% bagi pola KT + FN + FK dan kekerapan 5 atau 2.5% bagi pola KT + FN + FK + FN.

Daripada analisis tersebut maka jelas bahawa respondan 1 dan respondan 2 mempunyai struktur pola yang hampir sama. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak peringkat prasekolah mempunyai kecekapan struktur sintaksis yang sama walaupun mereka berbeza dari segi sosio-psikologi dan juga budayanya. Walaupun respondan 1 mendapat kekerapan sifar bagi pola KT + FN + FK, ia tidak bermakna respondan 2 lebih cekap dan mantap pemerolehan bahasanya. Respondan 2 yang mempunyai kekerapan 2 atau 1% tidak menunjukkan satu perbezaan yang ketara berbanding kekerapan sifar oleh respondan 1 dalam ayat berlapis atau ayat majmuk bagi pola KT + FN + FK.

Satu lagi ciri yang menarik daripada dapatan kajian ini ialah respondan 1 dan respondan 2 mempunyai kecekapan yang sama dalam mengujar ayat ragam aktif dan ayat ragam pasif dalam perbualan tidak berstruktur. Jadual 17.0 menjelaskan perbandingan pemerolehan ragam ayat tersebut dengan lebih jelas.

Jadual 17.0 : Perbandingan Ragam Ayat

Respondan	Ragam Aktif (%)	Ragam Pasif (%)
Respondan 1	27.0%	6.0%
Respondan 2	26.5%	2.5%

Berdasar jadual 17.0, kajian ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan pemerolehan ragam ayat di antara respondan 1 dengan respondan 2. Respondan 1 mengujar sebanyak 27% ujaran dalam ragam ayat aktif manakala respondan 2 mengujar sebanyak 26.5% ujaran ayat ragam aktif. Hanya terdapat perbezaan yang amat sedikit di antara respondan 1 dengan respondan 2 iaitu pada perbezaan 0.5% sahaja. Ini membuktikan bahawa respondan 1 dan respondan 2 mempunyai kecekapan yang sama dalam mengujar ayat ragam aktif dalam perbualan harian mereka.

Dari segi pemerolehan ayat ragam pasif, respondan 1 mengujar sebanyak 6% daripada keseluruhan ujarannya. Respondan 2 pula mengujar sebanyak 2.5% daripada keseluruhan ujarannya dalam ragam ayat pasif. Perbezaan pada 3.5% di antara respondan 1 dengan respondan 2 memperlihatkan bahawa tidak banyak perbezaan di antara kecekapan kanak-kanak tersebut dalam mengujar ayat ragam pasif. Namun yang lebih menarik daripada bukti kajian ini ialah kedua-dua respondan ini mempunyai kadar peratus yang rendah dalam mengujar ayat ragam pasif. Oleh yang demikian maka kajian

ini membuktikan bahawa kanak-kanak peringkat prasekolah kurang cekap mengujar ayat ragam pasif dalam perbualan tidak berstruktur mereka.

4.2: Pemerolehan Semantik

4.2.1 Pemerolehan Semantik Kanak-kanak Melayu Dalam Situasi Di Rumah

Jadual 18.0 menunjukkan sebaran kekerapan kosa kata asas yang digunakan oleh respondan 1 (kanak-kanak Melayu) dalam situasi di rumah bersama dengan emak dan ahli keluarganya. Satu ciri yang ketara daripada jadual tersebut ialah wujudnya penggunaan frasa nama, frasa kerja, frasa sifat, frasa bilangan, frasa tunjuk, frasa masa, frasa keterangan dan frasa tanya yang konkrit. Juga yang dapat diperolehi melalui data dalam jadual 18.0a, b, c, d, e, dan f dalam *Lampiran G*, adalah didapati respondan 1 menggunakan secara meluas frasa sifar dalam semua bentuk kosa katanya. Ini bermakna respondan 1 tidak menambah bentuk imbuhan atau bentuk jamak secara berulang dalam kosa kata yang diujarkannya.

Berdasarkan jadual 18.0 a, b, c, d, e dan f, dalam *Lampiran G* adalah didapati jumlah jenis frasa atau jenis token yang ujarankan oleh respondan 1 secara tidak berulang ialah sebanyak 237. Keseluruhan jumlah perkataan atau token yang diujarkan oleh respondan 1 ialah sebanyak 1046 perkataan. Oleh yang demikian Nisbah Jenis Token (NJT) atau *Type Token Ratio (TTR)* bagi respondan 1 adalah 4.413.

Berdasar jadual 18.0, adalah didapati bahawa respondan 1 lebih banyak menguar kata nama am berbanding frasa nama khas atau frasa kerja dan sebagainya. Kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah lebih banyak menggunakan frasa nama am dalam interaksi yang tidak berstrukturnya. Daripada sebanyak 237 jenis perkataan atau jenis token tidak berulang yang diujarkannya terdapat

sebanyak 77 daripadanya adalah perkataan frasa nama am atau jenis token frasa nama am yang tidak berulang. Dengan ini maka frasa nama mempunyai sebanyak 32.48% daripada keseluruhan jenis token yang tidak berulang.

18.0 : Golongan Kosa Kata Asas Respondan 1

Bil	Golongan Kosa Kata Asasi	Jumlah Token Tidak Berulang	Peratus
1	Frasa Nama Am	77	32.48%
2	Frasa Nama Khas	33	13.92%
3	Frasa Kerja	54	22.78%
4	Frasa Sifat / Adjektif	28	11.81%
5	Frasa Bilangan / dll	43	18.14%
6	Frasa Tanya	2	0.84%

Selain daripada frasa nama am, frasa kerja menyumbang jenis token tidak berulang yang tidak kurang bilangannya. Sebanyak 54 atau 22.78% adalah terdiri daripada jenis frasa kerja manakala jenis frasa bilangan, masa, arah, tunjuk dan keterangan menyumbang jenis token tidak berulang sebanyak 43 atau 18.14%. Frasa nama khas mempunyai bilangan jenis token sebanyak 33 atau 13.93% berbanding jenis frasa sifat yang mempunyai jenis token tidak berulang sebanyak 28 atau 11.81%. Frasa tanya merupakan jenis token tidak berulang yang paling rendah bilangannya iaitu hanya sebanyak 2 atau 0.84% sahaja.

Jadual 18.0 dan *Lampiran G*, membuktikan bahawa respondan 1 mempunyai kecekapan pemerolehan golongan frasa nama am jauh lebih tinggi berbanding dengan golongan frasa nama khas, frasa kerja, frasa sifat, frasa bilangan dan frasa tanya. Frasa tanya merupakan golongan kosa kata asasi atau jenis token yang tidak berulang yang paling rendah bilangannya dalam jadual tersebut. Keadaan tersebut ada kaitannya dengan peranan respondan dalam perbualan berkenaan. Respondan 1 dalam interaksi atau

perbualan yang dirakamkan adalah sebagai pendengar yang aktif kerana bertindak untuk menjelaskan atau menjawab pertanyaan daripada ibunya. Lantaran itulah maka dia jarang bertanya tetapi lebih banyak menjawab atau menjelaskan sesuatu kepada ibunya atau ahli keluarganya yang terlibat dalam sesi perbualan tersebut.

Walau bagaimanapun frasa nama sama ada frasa nama am atau frasa nama khas yang digunakan oleh kanak-kanak ini adalah didapati dalam bentuk primer. Frasa nama “aku” lebih kerap digunakan kanak-kanak tersebut iaitu pada kekerapan sebanyak 21 atau 2.0%. Keadaan ini terjadi kerana kanak-kanak berkenaan masih berada dalam lingkungan atau peringkat *ego centric*. Frasa nama “emak” mempunyai kekerapan sebanyak 15 atau 1.43%, frasa kami sebanyak 12 kekerapan atau 1.14%, manakala frasa nama “cikgu” mempunyai kekerapan 10 atau 0.95% dan diikuti oleh frasa nama yang lainnya.

Juga yang didapati daripada kajian ini ialah respondan 1 mempunyai kerapan yang tinggi pada frasa nama am “emak” berbanding dengan frasa nama am yang lain. Frasa nama khas “Sapik” mempunyai kekerapan sebanyak 14 atau 1.33% kerana kebanyakan masa lapangnya, respondan 1 bermain dengan rakannya bernama Sapik. Secara keseluruhannya frasa nama - frasa nama yang diujarkan oleh respondan 1 ini mempunyai kekerapan tinggi kerana ia mempunyai fungsi sebagai *social language*.

Juga yang jelas kelihatan daripada *Lampiran G* ialah respondan 1 ini tidak mempunyai keupayaan untuk mengujar frasa nama terbitan. Kekerapan sifar bagi frasa nama terbitan mungkin berpunca daripada budaya bahasa Melayu Sarawak itu sendiri yang tidak begitu jelas dari segi penggunaan frasa nama terbitan dalam perbualan hariannya.

Daripada Jadual 18 c dalam *Lampiran G* juga menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut berkebolehan membentuk ayat menggunakan frasa kerja dalam bentuk akar atau unggulan daripada bentuk-bentuk jamak atau juga dalam bentuk berimbahan untuk menyatakan jumlah atau untuk menyatakan keadaan. Kanak-kanak dalam kajian ini hanya menyatakan atau menggunakan frasa unggulan seperti “campor” (**campur**) untuk menyatakan keadaan yang bercampur tetapi tidak menyatakannya sebagai “bercampor” (**bercampur**) atau hanya sekadar menyatakan “lombak” (**lumba**) tetapi tidak “berlombak” (**berlumba**). Frasa kerja-frasa kerja dalam ayat yang diujarkan oleh respondan ini adalah dalam bentuk atau ragam transitif dan tak transitif. Contoh-contoh frasa kerja transitif dan tak transitif adalah seperti berikut:

a) ***Frasa Kerja Ragam Transitif***

beli	beri	buang	bunuh	campur
gigit	gusuk	kayuh	lari	lawan
lukis	main	makan	masak	masuk
minum	tembak	tengok	tumbuk	tonton

b) ***Frasa Kerja Ragam Tak Transitif***

cerita	datang	duduk	guna	rendam
suka	tangis	jumpa	jalan	warna

Pada keseluruhannya frasa kerja dalam bentuk atau ragam transitif dan tak transitif yang banyak digunakan oleh respondan 1 dalam situasi di rumah adalah frasa kerja yang menyatakan perbuatan atau keadaan dalam persekitaran kanak-kanak tersebut. Keadaan demikian memang telah dijangkakan kerana persekitaran yang terdapat di

sekeliling kanak-kanak adalah sesuatu yang bukan asing malah kanak-kanak diwarnai oleh persekitarannya.

Penggunaan frasa nama dalam bentuk maksud yang tersirat atau yang membawa maksud pragmatik juga terpakai dalam respondan 1 ini. Kekerapan frasa yang berkenaan amat rendah. Sebagai contoh, frasa nama “kaceng” dalam ujaran “Kaceng mbunoh enjahat yo” yang membawa makna “mudah untuk membunuh penjahat tersebut” Kaceng dalam makna kamus ialah sejenis makanan iaitu “kacang”. Tetapi dalam makna ujaran respondan 1 tersebut perkataan kacang tersebut merujuk kepada makna kontekstual bukan makna tektual. Kaceng membawa maksud “enteng” atau “mudah”. Oleh yang demikian dapatan kajian ini membuktikan bahawa kecekapan semantik kanak-kanak Melayu peringkat prasekolah adalah hampir sama dengan kecekapan semantik orang dewasa.

4.2.2: Pemerolehan Semantik Kanak-kanak Iban Dalam Situasi Di Rumah

19.0 : Golongan Kosa Kata Asas Respondan 2

Bil	Golongan Kosa Kata Asasi	Jumlah Token Tidak Berulang	
1	Frasa Nama Am	73	28.62%
2	Frasa Nama Khas	59	23.13%
3	Frasa Kerja	55	21.56%
4	Frasa Sifat / Adjektif	29	11.37%
5	Frasa Bilangan / dll	31	12.15%
6	Frasa Tanya	7	2.74%

Jadual 19.0 menunjukkan sebaran kekerapan kosa kata asas yang digunakan oleh respondan 2 (kanak-kanak Iban) dalam situasi di rumah bersama dengan emak dan juga

ahli keluarganya. Seperti yang dijangkakan kanak-kanak yang dikaji ini juga menggunakan frasa nama am, frasa nama khas, frasa sifat, frasa bilangan, frasa tunjuk, frasa masa, frasa keterangan dan frasa tanya yang konkrit. Respondan 2 ini juga mempunyai bentuk frasa sifar dalam semua kosa katanya. Dengan perkataan lainnya frasa-frasa yang dicetuskan oleh respondan ini tidak ditambah dengan imbuhan ataupun dinyatakan secara berulang untuk membentuk kata jamak. Perkataan bentuk jamak tidak dinyatakan secara jelas kecuali dengan memasukan penjodoh bilangan seperti “duwak” untuk maksud **dua** dan sebagainya. Namun bentuk jamak hanya difahami melalui keseluruhan makna ujaran kanak-kanak tersebut.

Berdasarkan jadual 19.0 a, b, c, d, e dan f, dalam *Lampiran H* adalah didapati bahawa jumlah jenis frasa atau jenis token yang ujarankan oleh respondan 2 secara tidak berulang ialah sebanyak 255. Keseluruhan perkataan atau token diujarkan oleh respondan 2 yang adalah sebanyak 948 perkataan. Oleh yang demikian maka Nisbah Jenis Token (NJT) atau *Type Token Ratio (TTR)* bagi respondan 2 adalah 3.717.

Berdasar jadual 19.0, adalah didapati bahawa respondan 2 lebih banyak menguar kata nama am berbanding frasa nama khas atau frasa kerja dan sebagainya. Kajian ini membuktikan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah lebih banyak menggunakan frasa nama am dalam interaksi tidak berstrukturnya. Daripada sebanyak 255 jenis perkataan atau jenis token tidak berulang yang diujarkannya terdapat sebanyak 73 adalah perkataan frasa nama am atau jenis token frasa nama am yang tidak berulang. Ini bermakna jenis frasa nama atau jenis token nama bagi respondan 2 ialah sebanyak 28.62% .

Butiran yang paling jelas diperolehi daripada jadual 19.0 ialah respondan 2 adalah seperti respondan 1 iaitu kanak-kanak ini berkebolehan untuk menggunakan pelbagai frasa dalam ujarannya untuk menggambarkan maksud yang hendak disampaikan ketika berinteraksi di rumah bersama keluarganya. Kebolehan respondan 2 ini sama seperti kebolehan respondan 1 kerana boleh menggunakan sebahagian besar daripada sistem frasa dalam perbualan harian bahasa Iban adalah sesuatu yang memang telah dijangkakan.

Penggunaan frasa nama lebih meluas berbanding dengan penggunaan frasa-frasa yang lain. Kanak-kanak ini mempunyai kecekapan yang tinggi untuk menggunakan frasa nama am dan frasa nama khas dalam bentuk unggulan atau primer. Frasa nama am “jya” atau “dia” mempunyai kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 33 atau 3.48% berbanding frasa nama am yang lain. Di antara frasa nama khas yang mempunyai kekerapan yang tertinggi ialah “Billi” (Billy) iaitu sebanyak 11 atau 1.16%, “Dinil” (Deniel) sebanyak 10 atau 1.05%, dan “Tommi” (Tommy) sebanyak 10 atau 1.05%. Keadaan tersebut berlaku kerana mungkin disebabkan pengalaman dan juga minatnya terhadap watak atau rakannya tersebut.

Selain daripada frasa nama am, frasa nama khas menyumbang jenis token tidak berulang sebanyak 59 atau 23.13% manakala frasa kerja menyumbang jenis token tidak berulang sebanyak 55 atau 21.56%. Frasa bilangan, masa, arah, tunjuk dan keterangan Frasa kerja mempunyai bilangan jenis token sebanyak 29 atau 12.15% berbanding frasa sifat yang mempunyai jenis token tidak berulang sebanyak 29 atau 11.37%. Frasa tanya

merupakan jenis token tidak berulang yang paling rendah bilangannya iaitu hanya sebanyak 7 atau 2.74% sahaja.

Dari jadual 19.0 dan juga berdasarkan *Lampiran H*, ia jelas membuktikan bahawa respondan 2 mempunyai kecekapan pemerolehan golongan frasa nama am jauh lebih tinggi berbanding dengan golongan frasa nama khas, frasa kerja, frasa sifat, frasa bilangan dan frasa tanya. Frasa tanya merupakan golongan kosa kata asasi yang paling rendah bilangannya dalam jadual tersebut. Kekerapan frasa tanya oleh respondan 2 dalam kajian ini ada kaitannya dengan peranan respondan dalam perbualan berkenaan. Respondan 2 dalam interaksi atau perbualan yang dirakamkan adalah juga pendengar yang aktif kerana bertindak untuk menjelaskan atau menjawab pertanyaan daripada ibunya. Lantaran itulah maka ia jarang bertanya tetapi lebih banyak menghurai atau menjelaskan sesuatu kepada ibunya atau ahli keluarganya yang terlibat dalam sesi perbualan tersebut.

Juga seperti yang dijangkakan iaitu respondan 2 tidak mempunyai keupayaan untuk mengajar frasa nama terbitan. Kekerapan sifar bagi penggunaan frasa tersebut mungkin berpunca daripada budaya dalam bahasa itu sendiri yang tidak banyak pola frasa nama terbitan yang terbit dari kata imbuhan ataupun sisipan.

Jadual 19.0 c dalam *Lampiran H*, menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut berkebolehan untuk menggunakan frasa kerja dalam bentuk akar atau unggulan daripada bentuk-bentuk jamak dan juga dalam bentuk berimbuhan untuk menyatakan jumlah atau menyatakan keadaan. Kanak-kanak ini hanya berupaya untuk menyatakan atau menggunakan frasa unggulan seperti “diyundan” (**bonceng**) tetapi bukan “meyundan”

(membonceng) atau “tepan”(tumpang) tetapi tidak “menepan” untuk maksud “membonceng” atau “menumpang” dan “engkibut”(bergerak) untuk maksud “bergerak”.

Frasa kerja-frasa kerja yang diujarkan oleh respondan 2 ini adalah juga dalam bentuk atau ragam transitif dan tak transitif. Contoh-contoh frasa kerja transitif dan tak transitif adalah seperti berikut:

a) *Frasa Kerja Ragam Transitif*

beli	lawan	pandu	lihat	tumpang
cuci	makan	pukul	tanya	tulis
kembang	minum	tentang	tembak	tumbuk

b) *Frasa Kerja Ragam Tak Transitif*

cakap	duduk	kena	lengah	perang
campur	gerak	krate	main	sebut
dengar	jalan	leka	mati	selindung

Pada keseluruhannya frasa kerja dalam ragam transitif dan tak transitif yang banyak digunakan oleh respondan 2 dalam situasi di rumah merupakan frasa kerja yang memperlihatkan satu hubungan yang intim dengan tingkahlaku respondan sendiri untuk menyatakan perbuatan atau keadaan dalam persekitarannya. Keadaan ini mempunyai persamaannya dengan dapatan ke atas respondan 1 kerana kedua-dua respondan adalah dalam tahap V Brown.

Walau bagaimanapun penggunaan frasa nama dalam bentuk maksud yang tersirat atau yang membawa maksud pragmatik juga digunakan oleh respondan 2. Kekerapan penggunaan frasa nama yang merujuk kepada makna kontekstual ini atau makna psikologikal adalah amat rendah. Contohnya ialah frasa nama am “pundan” atau

“pondan” yang diujarkan oleh respondan 2 ini bukan merujuk makna kamus iaitu seorang perempuan atau lelaki yang bertingkah laku seperti seorang lelaki atau perempuan. “Pundan” yang dimaksudkan ialah seseorang yang penakut dan tidak ada sifat kelakiannya.

4.2.3 Perbandingan Pemerolehan Semantik Kanak-kanak Melayu dan Kanak-kanak Iban.

Pada keseluruhannya tidak banyak perbezaan pemerolehan semantik di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah. Jika kita perhatikan jadual 20.0 di bawah maka lebih jelaslah persamaan dari segi pemerolehan semantik kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang.

Jadual 20.0 : Nisbah Jenis Token (NJT)

Respondan	Jumlah Ujaran	Jumlah Token	Jlh Token Tak Berulang	NJT/TTR
Respondan 1	200	1046	237	4.413
Respondan 2	200	949	255	3.721

Berdasarkan jadual 20.0, adalah jelas bahawa NJT atau Nisbah Jenis Token atau *Type Token Ratio (TTR)* bagi kedua-dua respondan tidak memperlihatkan satu perbezaan yang jelas. Nisbah Jenis Token (NJT) bagi respondan 1 ialah 4.413 manakala Nisbah Jenis Token (NJT) bagi respondan 2 ialah 3.721. Perbezaan nilai NJT bagi respondan ialah pada 0.692 sahaja.

Daripada 200 ujaran yang dicatat atau dirakamkan, terdapat sebanyak 1046 perkataan dan 237 jenis perkataan atau jenis token yang tidak berulang bagi respondan 1. Jumlah ujaran respondan 2 yang dicatat dan dirakamkan ialah sebanyak 200 ujaran. Respondan 2 mempunyai sebanyak 949 jumlah perkataan atau token dan sebanyak 255

jumlah jenis perkataan atau jenis token yang tidak berulang. Dengan ini maka adalah amat jelas bahawa kecekapan pemerolehan semantik di antara respondan 1 dan respondan 2 tidak mempunyai perbezaan yang amat nyata.

Jadual 21.0 : Perbandingan Pemerolehan Semantik Respondan 1 Dan Respondan 2

Respondan	Golongan Kata											
	NA	%	NK	%	KK	%	KS	%	KB	%	KT	%
Respondan 1	77	32.35	34	14.28	52	21.84	30	12.60	43	18.06	2	0.84
Respondan 2	74	29.36	59	23.41	55	21.82	29	11.50	31	12.30	4	1.58

* NA - Nama Am KK - Kata Kerja KB - Kata Bilangan, masa, tunjuk, arah
NK - Nama Khas KS - Kata Sifat dan keterangan
KT - Kata Tanya

Berdasarkan jadual 21.0, secara amnya kedua-dua respondan memperlihatkan kecekapan penggunaan kosa kata secara tersebar. Respondan 1 mengujar sejumlah 77 atau 32.35% perkataan frasa nama secara tidak berulang mana kala respondan 2 mengujar sejumlah 74 atau 29.36% perkataan frasa nama am secara tidak berulang. Hanya perbezaan dari segi jumlah yang sedikit iaitu respondan 1 mengatasi sebanyak 3 atau 2.99% frasa nama am secara tidak berulang sahaja berbanding respondan 2. Perbezaan yang amat sedikit tersebut bukan disebabkan oleh faktor kecekapan tetapi kerana keluasan isi perbualan atau disebabkan oleh pemudahubah sosio-psikologi yang lain semasa proses interaksi ini dijalankan.

Dari aspek pemerolehan frasa nama khas di kalangan respondan 1 dan respondan 2, adalah jelas respondan 2 mempunyai bilangan atau jumlah yang lebih banyak daripada respondan 1. Respondan 2 mengujar sebanyak 59 atau 23.41% perkataan frasa nama khas tidak berulang berbanding respondan 1 yang hanya mengujar sebanyak 34 atau 14.28%

perkataan frasa nama khas tidak berulang. Perbezaan pada 9.13% bukanlah sesuatu yang mutlak atau menjadi satu ukuran kecekapan respondan dalam pemerolehan frasa nama khas tetapi ia banyak dipengaruhi oleh faktor sosio-psikologi respondan berkenaan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini pembolehubah tersebut tidak diperincikan. Secara nyata respondan 2 lebih banyak rakan berbanding respondan 1.

Jika kita tinjau dari aspek pemerolehan kosa kata frasa kerja, kedua-dua respondan mengujar bilangan yang hampir sama. Respondan 1 mengujar sebanyak 52 atau 21.84% manakala respondan 2 mengujar sebanyak 55 atau 21.82% daripada frasa kerja yang tidak berulang dalam seluruh ujaran yang dikutip. Ini bermakna hanya terdapat perbezaan sebanyak 0.02% sahaja. Respondan 1 mengujar sebanyak 30 atau 12.60% frasa sifat dan respondan 2 mengujar sebanyak 29 atau 11.50% frasa sifat tidak berulang. Dengan ini terdapat perbezaan hanya 1.10% sahaja. Selain daripada itu respondan 1 mengujar sebanyak 43 atau 18.06% perkataan frasa bilangan, masa, arah, tunjuk dan keterangan tidak berulang manakala respondan 2 mengujar sebanyak 31 atau 12.30% perkara yang sama. Perbezaan dari aspek frasa tersebut ialah sebanyak 5.67%.

Walau bagaimanapun kedua-dua respondan amat kurang menggunakan perkataan frasa tanya. Respondan 1 mengujar sebanyak 2 perkataan tidak berulang frasa tanya berbanding respondan 2 yang mengujar sebanyak 4 perkara yang sama. Kedua-dua respondan dalam kajian ini memain peranan untuk menyata atau menjawab soalan-soalan daripada orang dewasa yang merangsang mereka untuk bercakap. Keadaan ini telah menimbulkan respondan lebih banyak menjawab atau menerangkan sesuatu daripada menyoal untuk mendapatkan maklumat.

4.3 Perbincangan Hasil Kajian

Hasil kajian tentang pemerolehan sintaksis dan semantik bagi kanak-kanak peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang ini yang dinyatakan dalam fasal 4.1.1, fasal 4.1.2, fasal 4.1.3, fasal 4.2.1, fasal 4.2.2 dan fasal 4.2.3 akan dibincangkan dalam bahagian ini dalam fasal-fasal berikut:-

4.3.1 Pemerolehan Sintaksis Kanak-kanak Melayu dan Kanak-kanak Iban Peringkat Prasekolah Di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang

Kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah memang mempunyai kecekapan untuk berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang hampir sama dengan sistem bahasa orang dewasa. Dalam kajian ini, kedua-dua respondan telah memperlihatkan kecekapan kanak-kanak menggunakan ayat jenis selapis dan ayat jenis berlapis dengan baik.

Walau bagaimanapun pada dasarnya bahawa kanak-kanak pada peringkat umur lebih 5 tahun belum dapat menguasai keseluruhan sistem bahasa orang dewasa. Keadaan ini memang telah terlebih awal dijangkakan. Hasil kajian ini jelas memperlihatkan keselariannya dengan hasil-hasil kajian terdahulu tentang pemerolehan bahasa yang pernah dibuat oleh Berko (1958), Donaldson dan Wales (1970), Palermo (1973), Maratsos (1974) dan Vantili (1982). Kajian-kajian para sarjana tersebut juga mengungkapkan bahawa proses pemerolehan tatabahasa bagi kanak-kanak yang berumur di antara 4 hingga 5 tahun adalah tidak lengkap. Hasil kajian oleh Brown (1964) dan McNeill (1966) juga telah mengesahkan perkara yang sama.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dan hasil kajian ini telah mendapati bahawa kanak-kanak tersebut tidak mampu untuk membina ayat yang mengikut pola

gramatis dengan baik. Kebanyakan ujaran kanak-kanak tersebut menggugurkan unsur-unsur tertentu dalam ujaran mereka. Dapatan kajian ini mempunyai pertalian yang erat dengan dapatan kajian psikolinguistik barat yang berasaskan kerangka Piaget seperti yang pernah dilakukan oleh Sinclair (1969;1970) dan Morehead dan Morehead (1974). Menurut kerangka tersebut bahawa kanak-kanak pada peringkat prasekolah iaitu yang berumur 4 hingga 5 tahun, mereka masih belum dapat menggambarkan pola tindakan yang kompleks. Rumus-rumus bahasa belum lagi difahami oleh kanak-kanak pada peringkat ini sehingga mereka mencapai umur 7 hingga 12 tahun iaitu ketika mencapai perkembangan operasi konkrit (Piaget, J, 1926).

Dalam kajian ini ternyata kanak-kanak peringkat prasekolah dapat menggunakan ayat selapis dan berlapis berdasar pola FN + FK dan pola FN + FK + FN dengan baik Pola KT + FN + FK dan pola KT + FN + FK + FN dalam bentuk ayat selapis dan berlapis belum dikuasai sepenuhnya oleh kanak-kanak tersebut. Ayat selapis berdasarkan pola FN + FK + FN dalam respondan 1 mempunyai kekerapan sebanyak 21 atau 10.5% manakala respondan 2 mempunyai kekerapan sebanyak 16 atau 8.0%. Pola tersebut dalam ayat selapis mendapat kekerapan yang tertinggi bagi kedua-dua respondan tersebut. Di antara bentuk ayat majmuk atau ayat berlapis yang kerap digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini ialah yang berdasarkan pola FN + FK + FN. Respondan 1 mempunyai kekerapan 8 atau 4% daripada 66 atau 33% ujaran yang mempunyai pola yang gramatis manakala respondan 2 mempunyai kekerapan 5 atau 2.5% daripada 59 atau 29.5% ujaran yang mempunyai pola yang gramatis.

Bukti-bukti daripada kajian ini juga memberi satu gambaran kepada kita bahawa kanak-kanak mempunyai kecenderungan untuk menggunakan pola FN + FK + FN atau

pola Subjek + Kata Kerja + Objek (pelaku + perbuatan + penderita) berbanding pola FN + FK atau pola Objek + Kata Kerja + Subjek (penderita + perbuatan + pelaku). Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang pernah dibuat oleh Slobin (1973) dan Bloom (1970) kerana kajian-kajian tersebut membuktikan bahawa kanak-kanak meletakkan kata nama atau frasa nama sebelum kata kerja sebagai subjek atau pelaku dalam ayat dan selepas kata kerja akan meletaknya pula sebagai objek atau penderita.

Berdasar bukti-bukti daripada kajian ini ia juga jelas menunjukkan bahawa proses pemerolehan sintaksis tidak berlaku sewenang-wenangnya tetapi secara teratur dan secara sistematis. Jika kita perhatikan dapatan kajian ini ia memperlihatkan satu keselariannya dengan pandangan Slobin (1973) dan juga Clark dan Clark (1977). Menurut ahli-ahli linguistik berkenaan bahawa kanak-kanak mempunyai strategi pembelajaran yang tertentu untuk bertindak dalam proses pemerolehan bahasa. Keadaan yang serupa berlaku ke atas kedua-dua respondan dalam kajian ini iaitu kedua-duanya mempunyai strategi yang tertentu utnuk memperolehi bahasanya. Sebab itulah kita dapatiti bahasa kedua-dua respondan yang dikaji ini mengandungi struktur yang mudah walaupun terdapat juga beberapa ciri struktur yang kompleks. Dapatan kajian ini juga mempunyai keselariannya dengan bukti-bukti kajian yang pernah dibuat oleh Brown dan Hanlon (1970). Kajian mereka mendapati bahawa kanak-kanak menguasai struktur-struktur mudah sebelum struktur-struktur yang kompleks. Kajian yang dibuat oleh Chomsky (1969) juga membuktikan bahawa beberapa jenis ayat transformasi dalam bahasa Inggeris tidak dikuasai oleh kanak-kanak sehingga mereka mencapai usia yang lebih lanjut iaitu dari umur 9 hingga 10 tahun.

Bukti-bukti daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah mempunyai kecekapan menggunakan bentuk atau ragam ayat aktif dan bentuk atau ragam ayat pasif. Walau bagaimanapun daripada bukti-bukti yang terdapat dalam senarai ayat yang ditranskripkan dalam *Lampiran C*, *Lampiran D*, *Lampiran E*, dan *Lampiran F*, adalah jelas memberi gambaran bahawa walaupun kanak-kanak dalam kajian ini mempunyai kecekapan untuk menggunakan bentuk atau ragam ayat aktif dan ragam pasif, mereka lebih cenderung menggunakan ragam atau bentuk aktif. Dengan perkataan lainnya bahawa ragam ayat atau pola ayat pasif adalah kurang kerap digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa unsur tatabahasa di kalangan kanak-kanak umur peringkat prasekolah telah mula berkembang. Dalam interaksi tidak berstrukturnya di rumah, kanak-kanak lebih kerap menggunakan pola atau ragam ayat aktif berbanding pola atau ragam ayat pasif. Dapatan kajian ini mempunyai keselariannya dengan kajian yang dibuat oleh Clark (1969) yang juga mendapati kanak-kanak peringkat umur prasekolah mempunyai kecekapan untuk menggunakan bentuk-bentuk transitif.

Kenyataan-kenyataan yang dibincangkan di atas mempunyai keselarian dengan hasil-hasil kajian yang terdahulu terutamanya tentang pemerolehan ayat pasif. Beberapa kajian yang terdahulu juga telah menunjukkan ayat pasif lebih sukar untuk difahami dan dihasilkan oleh kanak-kanak. Menurut Gough (1965) bahawa ayat pasif memerlukan kefahaman morfologis dan penyusunan urutan kata.

Bentuk-bentuk ayat yang membawa makna kontekstual juga terdapat dalam pemerolehan sintaksis kedua-dua respondan tersebut tetapi kekerapan bentuk-bentuk tersebut amat rendah. Bukti-bukti tersebut menggambarkan kepada kita bahawa babit-

babit pertumbuhan bahasa yang dalam atau *deep structure* telah mula tumbuh di kalangan kanak-kanak pada peringkat prasekolah. Dengan perkataan lainnya bahawa penggunaan bahasa kreatif telah mula menular dalam bahasa kanak-kanak peringkat prasekolah. Keadaan beginilah yang pernah dicetuskan oleh Owens (1984) yang mengatakan bahawa bahasa seperti yang dialami oleh kanak-kanak tersebut kemudiannya berkembang dalam bahasa kanak-kanak pada peringkat umur mereka di sekolah rendah kelak.

Daripada perbincangan di atas, ternyata penggunaan bahasa kreatif telah mula berkembang di kalangan kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah. Keadaan tersebut memberi gambaran bahawa bahasa kanak-kanak peringkat prasekolah sudah hampir sama dengan bahasa orang dewasa. Beberapa perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak bukan sahaja membawa makna yang tersurat tetapi juga membawa makna psikologikal dalam perkataan tersebut.

Pada keseluruhannya bukti-bukti yang terdapat daripada kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak banyak memperlihatkan variasi dalam penggunaan struktur dan jenis ayat. Ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk gabungan tidak begitu banyak digunakan berbanding ayat selapis bentuk dasar dan tunggal. Ayat selapis pola FN + FK kurang diujarkan oleh kanak-kanak peringkat prasekolah dalam interaksi harian mereka berbanding pola FN + FK + FN.

4.3.2 Pemerolehan Semantik Kanak-kanak Melayu dan Kanak-kanak Iban Peringkat Prasekolah Di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang

Kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah mempunyai kecekapan untuk menggunakan sebahagian besar daripada kosa kata asasi dalam perbualan harian mereka. Sebahagian daripada golongan kosa kata orang dewasa telah dapat dikuasai sepenuhnya oleh kanak-kanak yang dikaji. Di antara kosa kata yang banyak diperolehi oleh kanak-kanak yang dikaji ini ialah kosa kata dari golongan kata nama. Golongan kata nama mendapat jumlah perkataan yang tertinggi berbanding dengan golongan kosa kata frasa kerja, frasa sifat, frasa bilangan, masa, arah, tunjuk dan keterangan serta frasa tanya.

Secara amnya dapatlah dirumuskan bukti daripada kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pada peringkat prasekolah menggunakan lebih banyak frasa nama dan frasa kerja berbanding frasa sifat, frasa bilangan, masa, arah dan keterangan serta frasa tanya. Walau bagaimanapun juga yang diperolehi daripada kajian ini ialah perkataan bagi setiap golongan kata yang digunakan oleh kanak-kanak ini adalah dalam bentuk sifar. Dengan perkataan lainnya perkataan-perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak dalam kajian ini adalah bentuk dasar atau unggulan. Dapatkan kajian ini sebenarnya mempunyai persamaan dengan satu kajian yang pernah dibuat oleh Atan Long (1970). Kajian Atan Long tersebut (ke atas kanak-kanak tahun satu yang berumur 7 tahun) mendapati bahawa kanak-kanak tersebut juga lebih banyak memperolehi perkataan kata nama daripada perkataan kata kerja, kata sifat, kata bilangan, arah, tunjuk, masa dan keterangan serta kata tanya. Kajian yang dibuat oleh Nelson (1973) dan Benedict (1979) juga memperkuatkkan lagi dapatkan kajian ini. Menurut kajian Nelson dan Benedict

adalah didapati bahawa kanak-kanak lebih menguasai perkataan-perkataan golongan kata nama. Peratusan perkataan golongan kata nama ialah 60-65% berbanding golongan kata kerja yang hanya sebanyak 20% sahaja.

Pengkaji lain seperti Owen (1984) telah membuat satu penjelasan mengapa fenomena tersebut berlaku dalam proses pemerolehan semantik di kalangan kanak-kanak. Menurut Owen keadaan tersebut berlaku adalah kerana kata nama dianggap lebih ketara dari segi tanggapan kanak-kanak. Oleh yang demikian maka lebih keraplah pola tersebut digunakan oleh setiap orang dewasa apabila mereka berinteraksi dengan kanak-kanak.

Hakikat bahawa kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah tidak dapat menguasai keseluruhan kosa kata bahasa Melayu dialek Sarawak dan bahasa Iban dialek Sarawak telah dijangkakan. Bukti-bukti kajian ini telah menjawab permasalahan tersebut kerana kedua-dua respondan hanya lebih menguasa golongan kosa kata nama berbanding dengan golongan kos kata yang lain. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua respondan tersebut menggunakan kosa kata yang dasar atau unggulan atau akar. Ini bermakna frasa nama yang sering digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini adalah dalam bentuk unggulan ataupu akar. Kajian yang dibuat oleh Asmah Hj. Omar pada tahun 1975 melaporkan kelaziman ini juga berlaku dalam interaksi penutur jati bahasa Melayu yang jati.

Daripada perbincangan fasal 4.3.1 dan fasal 4.3.2, hasil kajian yang dibincangkan dalam bab ini memberi gambaran bahawa tidak terdapat perbezaan pemerolehan bahasa di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat umur prasekolah. Walaupun secara nyata terdapat perbezaan dari segi struktur dan latar budaya di antara respondan 1 dan respondan 2 namun dari segi proses pemerolehan bahasa terdapat

beberapa ciri yang sejagat di antara mereka. Ciri yang paling ketara dalam kajian ini ialah kadar perkembangan unsur-unsur tatabahasa di kalangan mereka.

4.3.3 *Masalah-masalah Kajian*

Secara amnya pengkaji menghadapi beberapa masalah untuk menganalisiskan data dalam bentuk kuantitatif. Kajian ini adalah lebih bercorak kajian kes yang hanya meliputi respondan yang sedikit. Seorang respondannya ialah kanak-kanak Melayu dan seorang lagi ialah kanak-kanak Iban. Oleh kerana jumlah respondan hanya dua orang sahaja maka secara idealnya ujian - *t* tidak dapat digunakan untuk membuat perbandingan pemerolehan bahasa di antara respondan tersebut. Pengkaji sedar tentang kekurangan tersebut kerana dengan menggunakan ujian - *t* ke atas respondan maka keesahannya akan lebih mantap.

Kedua ialah masalah menyebatikan prinsip *triangulation* dalam kajian deskriptif. Pengkaji sedar tentang keperluan membuat *triangulation* dalam kajian bercorak deskriptif. Namun unsur yang dikaji dan dibandingkan ialah pemerolehan bahasa ibunda respondan respondan tersebut. Inilah yang menjadikekangan pengkaji kerana apabila pengkaji membuat *triangulation* untuk melihat kecekapan dan kebolehan bahasa setiap respondan tersebut melalui guru prasekolahnya di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang, dapatannya tidak dapat diambil kira untuk tujuan tajuk kajian ini. Ini adalah kerana bahasa utama yang digunakan di pusat prasekolah tersebut ialah Bahasa Melayu yang piaawai. Menyedari akan hakikat tersebut maka pengkaji tidak menggunakan prinsip *triangulation* dalam menetapkan kategori bagi setiap respondan.

Masalah tersebut telah dibuktikan melalui perancangan awal pengkaji, iaitu apabila sesi perbualan dan rakaman pertama dibuat di pusat prasekolah berkenaan.

Rancangan awal tersebut akhirnya menemui jalan buntu dan gagal kerana kanak-kanak yang dimaksudkan tidak berinteraksi dengan menggunakan bahasa ibunda mereka sepenuhnya ketika berada di pusat prasekolah berkenaan. Menurut guru prasekolah berkenaan bahawa keadaan tersebut terjadi kerana kanak-kanak prasekolah berkenaan diwajibkan berinteraksi atau berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu sahaja.

Masalah yang ketiga ialah dari segi masa kajian ini dibuat. Kajian ini hanya melalui masa yang agak pendek yakni hanya dalam tempoh satu bulan sahaja. Pengkaji sedar tentang pentingnya masa yang lebih panjang supaya kehadirannya ketika membuat sesi rakaman tidak menjadi satu kejutan kepada respondan (kanak-kanak). Tetapi kekangan masa yang tidak dapat dielakkan akhirnya rakaman dan interaksi secara tidak langsung dijalankan supaya kajian ini dapat diselesaikan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Masalah yang keempat ialah kajian ini tidak melihat pemerolehan sintaksis dan semantik dari faktor sosio-psikologi. Pengkaji memang sedar bahawa faktor sosio - psikologi mempunyai kaitan yang amat erat dalam mempengaruhi perkembangan bahasa individu. Faktor-faktor budaya, politik, dan ekonomi dalam persekitaran individu itu memang mempunyai pengaruh ke atas perkembangan bahasa. Bukti-bukti daripada kajian yang dibuat oleh Basil Bernstein (1961) dan Frank Riessman (1962) yang mendapati bahawa faktor persekitaran seperti budaya, politik dan ekonomi mempengaruhi pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak golongan pertengahan dan golongan buruh di England dan kanak-kanak di kawasan setinggan atau *ghetto* di Amerika Syarikat. Kajian-kajian lain seperti yang dibuat oleh Well (1981 ; 1985), Snow (1972), Newport

dan Gleitman (1979) dan Ringler (1978) telah membuktikan bahawa proses pemerolehan bahasa adalah akibat daripada interaksi penjaga dengan kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, pengkaji menghadapi kekangan dari segi masa untuk membuat perincian dari sudut - sudut tersebut. Faktor - faktor tersebut jika diambil kira sebagai boleh ubah dalam kajian ini akan memakan masa yang agak panjang dan memerlukan satu perincian yang mendalam. Tetapi jika dilihat dari segi cakupan kajian dan faktor masa yang ditetapkan, adalah sesuai aspek-aspek yang dikaji oleh pengkaji dalam kajiannya ini.

4.4. Rumusan.

Secara amnya adalah dibuktikan bahawa kanak-kanak prasekolah di Pusat Prasekolah Mactab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak telah menguasai jenis ayat selapis atau *multiple word sentences* dan juga ayat berlapis atau ayat majmuk berdasarkan pola S-V-O dalam bahasa ibunda mereka. Juga kajian ini telah membuktikan bahawa kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Mactab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak tidak hanya mempunyai satu rujukan makna sahaja bagi setiap perkataan yang mereka ujarkan. Perkataan “*kaceng*” dan “*pundan*” yang terpakai dalam interaksi kanak-kanak tersebut jelas membuktikan bahawa mereka juga menguasai makna psikologikal dan makna leksikal dalam interaksi atau komunikasi harian mereka.

Jelas terbukti ialah tidak terdapat perbezaan yang ketara pemerolehan sintaksis dan semantik di kalangan kanak-kanak Melayu dengan kanak-kanak Iban peringkat prasekolah di Pusat Prasekolah Mactab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Kedua-

dua kanak-kanak yang dikaji telah memperlihatkan kecekapan dan kebolehan yang hampir sama dari segi pemerolehan sintaksis dan semantik.